

B 8584 DEB  
SARAWAK - MAHATHIR R R R

KUALA LUMPUR, 11 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENASIHATKAN KEDUA-DUA KUMPULAN YANG TERLIBAT DENGAN KRISIS POLITIK SARAWAK SUPAYA MENGUTAMAKAN KESTABILAN SERTA KESELAMATAN NEGERI ITU DALAM SEBARANG TINDAKAN MASING-MASING.

PERDANA MENTERI MENYAMPAIKAN NASIHAT TERSEBUT SEMASA DITEMUI DI PEJABATNYA DI BANGUNAN PARLIMEN OLEH SEROMBONGAN YANG MEWAKILI 28 ORANG ANGGOTA DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG MENDESAK PERLETAKKAN JAWATAN KETUA MENTERI, DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD.

SETIAUSAHA AKHBAR PERDANA MENTERI, ENCIK JALALUDDIN BAHAUDDIN, MEMBERITAHU PARA PEMBERITA SELEPAS PERTEMUAN ITU BAHAWA PERDANA MENTERI JUGA MENASIHATI KEDUA-DUA KUMPULAN SUPAYA MENYELESAIKAN MASALAH TERSEBUT MENGIKUT CARA DEMOKRASI DAN SELARAS DENGAN PERUNTUKAN PERLEMBAGAAN NEGERI.

ROMBONGAN TERSEBUT DIKETUAI OLEH TIMBALAN PRESIDEN PARTI BANSA DAYAK SARAWAK (PBDs), DATUK DANIEL TAJEM. PERTEMUAN ITU BERLANSUNG SELAMA SATU JAM SETENGAH.

APABILA DITANYA SAMA ADA ROMBONGAN ITU MENIMBULKAN MASALAH PEMBUBARAN DEWAN UNDANGAN NEGERI, ENCIK JALALUDDIN BERKATA SEPANJANG PENGETAHUANNYA PERKARA ITU TIDAK DISENTUH. -- LAGI  
2024MST 11 03 87

B 8588 DEB  
SARAWAK - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

ROMBONGAN ITU MEMBERI PENJELASAN KEPADA PERDANA MENTERI MENGENAI SEBAB MEREKA BERTINDAK MENENTANG KEPIMPINAN DATUK PATINGGI HAJI TAIB.

KETUA WANITA PARTI PESAKA BUMIPUTERA BERSATU (PBB), DATUK HAJAH HAFSAH HAJI HARUN, YANG DIKATAKAN MELETAKKAN JAWATAN MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN ADALAH ANTARA ANGGOTA ROMBONGAN ITU YANG TERDIRI DARIPADA KIRA-KIRA 11 ORANG.

DATUK HAJAH HAFSAH KETIKA DIMINTA MENGULAS MENGENAI PERTEMUAN ROMBONGAN ITU DENGAN PERDANA MENTERI MENYIFATKANNYA SEBAGAI SATU PERJUMPAAN YANG POSITIF.

KETIKA DITANYA SAMA ADA KUMPULANNYA BERSEDIA MENGHADAPI PILIHAN RAYA JIKA DEWAN UNDANGAN NEGERI DIBUBARKAN, BELIAU BERKATA MEREKA BERSEDIA.

SEMALAM KUMPULAN DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MENEMUI PERDANA MENTERI DI KEDIAMAN BELIAU BERIKUTAN PERKEMBANGAN POLITIK NEGERI SARAWAK. -- BERNAMA  
2045MST 11 03 87